

8503  
RENCANA

1982

JOHOR BAHRU, 27 JULAI (BERNAMA)--SATU RENCANA SEBUAH AKHBAR SINGAPURA BERBAHASA MELAYU MENGGANGGAP PENTADBIRAN MAHATHIR-MUSA (2-M) BERJAYA MERINTIS SISTEM PEMERINTAHAN YANG SERASI DENGAN KEHENDAK SEBAHAGIAN BESAR RAKYAT MALAYSIA.

BERDASARKAN TINDAKAN DAN LANGKAH-LANGKAH YANG DIAMBILNYA +TIDAK SEORANGPUN DAPAT MENAFIKAN KEJUJURAN DATUK SERI DR. MAHATHIR UNTUK MELAKSANAKAN PRINSIP +BERSIH, AMANAH DAN CEKAP+ BAGI PENTADBIRANNYA, MENURUT RENCANA ITU.

RENCANA ITU MENGULAS BAHAWA JELASLAH KINI BAHAWA SLOGAN ITU BUKAN SETAKAT +PENYEDAP TELINGA+ SAHAJA.

RENCANA +LINGKARAN ASEAN+ DALAM AKHBAR BERITA HARIAN SINGAPURA TELAH MENGUPAS PENCAPAIAN DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD SETELAH SETAHUN MEMEGANG TERAJU NEGARA WALAUPUN TEMPOH ITU MENURUT RENCANA TERSEBUT ADALAH SATU MASA YANG SINGKAT UNTUK MENGUKUR KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN PENTADBIRANNYA.

ULASAN ITU DISIARKAN KHAMIS LALU IAITU HARI RAYA PUASA DI REPABLIK TERSEBUT. --LAGI 0940/MD

8504  
RENCANA 2 JOHOR BAHRU

RENCANA ITU MENYENARAIKAN BERBAGAI-BAGAI LANGKAH PERDANA MENTERI TERMASUK SISTEM KAD WAKTU DAN PENGGUNAAN WAKTU STANDARD DAN MENGGALAKKAN RAKYAT MALAYSIA MENOLEH KE TIMUR UNTUK MELICINKAN PENTADBIRAN DAN MENINGKATKAN DAYA PENGELUARAN NEGARA.

RENCANA ITU MENGULAS BAHAWA +CABARAN DAN DUGAAN SENTIASA MENANTI DR. MAHATHIR DALAM MENERUSKAN TUGASNYA+.

+HANYA SOKONGAN DARI RAKYAT YANG AKAN MEMBOLEHKAN BELIAU MENCAPAI CITA-CITA MEWUJUDKAN MALAYSIA YANG PERMAI+. --BERNAMA 0945/MD